

Headline	SIC taja tiket program amal	Language	Malay
Date	25. May 2009	Page No	N30
Media Title	Sinar Harian	Article Size	60 cm2
Section	Sukan	Frequency	Daily
Circulation	60000	Color	Black/White
Readership	0	AdValue	241.68



SIC taja tiket program amal

KETUA Pegawai Eksekutif SIC, Razlan Razali berkata pihaknya akan mengadakan program amal korporat dan menjemput syarikat korporat tempatan untuk turut-serta dengan menaja tiket kepada beberapa badan pertubuhan amal seperti Majlis Kanser Nasional (MAKNA),

Yayasan Aids Malaysia dan sebagainya sempena penganjuran Super GT Malaysia 2009 nanti.

Seperti tahun lalu, SIC akan meneruskan program 'Taking Motorsports To School' dan beberapa sekolah terpilih akan dijemput ke litar untuk berkongsi kegembiraan bersama.

"Mereka akan diberi peluang untuk bertemu pemandu secara

dekat. Ia diharap dapat memberi kesedaran kepada mereka untuk melibatkan diri dengan sukan di peringkat akar umbi," katanya.

Untuk memupuk minat sukan pemotoran di peringkat akar umbi, SIC akan mengadakan program 'Pitlane Kids Walkabout' pada perlumbaan itu kelak. Sesi itu terbuka kepada kanak-kanak dan ditemani ibu bapa masing-masing yang mempunyai tiket.